



**ANUGERAH KHAS....** Maimoon menyampaikan Anugerah Personaliti Unggul kepada Prof Madya Dr Ismail (kanan) diperhatikan Ismail (kiri).



**ANUGERAH PELAJAR....** Maimoon (dua kanan), Ismail (kiri) dan Sawal (kanan) bersama pelajar cemerlang SMK Labuan 2012.

## Dr Ismail dipilih penerima pertama Anugerah Personaliti Unggul

NST 03-11-2012 4

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Ismail Ali dipilih sebagai penerima pertama Anugerah Khas Personaliti Unggul (Towering Personality) sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Sekolah (MAKES) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Labuan 2012.

Dr Ismail merupakan bekas pelajar SMK Labuan pada 1981 hingga 1984 dan kini menerajui institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang terbesar di Wilayah Persekutuan Labuan.

Anugerah itu diperkenalkan tahun ini se-

bagai pengiktirafan kepada pencapaian tertinggi bekas pelajar SMK Labuan dalam bidang tertentu.

Anugerah itu disampaikan oleh Ketua Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pelajaran Labuan, Maimoon Matnoh yang mewakili Pengarahnya, Mistirine Radin, di Dewan Mutiara SMK Labuan, Rabu lalu.

Turut hadir Pengetua SMK Labuan, Ismail Abdullah, Yang Dipertua PIBG, Md Yusoff Chuchu, Pengerusi Alumni SMK Labuan, Hayati Omar, Pegawai Angkat SMK Labuan, Sawal Salleh dan Penolong Kanan, Dona Undoh.

Pada majlis itu, pelajar Tingkatan Lima Kreatif, Chin Ting Xuan, dipilih sebagai Tokoh Pelajar SMK Labuan 2012 yang menerima sebuah jam tangan sumbangan bekas pelajar SMK Labuan, Suib Nasir yang pernah menjuarai Pesta Pantun Kebangsaan 1992.

Manakala Anugerah Khas Kokurikulum diterima Syarulniza Abdul Jamil yang mewakili Malaysia dalam acara karatedo di peringkat antarabangsa.

Turut menerima anugerah khas kokurikulum ialah pasukan pancaragam dan koperasi sekolah yang mencipta nama di peringkat negeri dan kebangsaan.

Pengetua SMK Labuan, Ismail Abdullah berkata majlis itu diadakan untuk memberi pengiktirafan kepada pencapaian terbaik pelajar dan guru dalam pelbagai bidang seperti kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid.

“Pengiktirafan ini akan menjadi pemangkin kepada pemupukan budaya keceMERLANGAN yang diharapkan akan menjadi amalan setiap warga SMK Labuan secara berterusan” katanya ketika berucap di majlis itu. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**